# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## AHAD 26 JULAI 2020

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3. | URBAN FARMING PROGRAMME WELL-RECEIVED BY MALAYSIANS – KIANDEE, ASTRO AWANI -ONLINE<br>PROGRAM PERTANIAN BANDAR DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2<br>URBAN FARMING PROGRAMME WELL-RECEIVED BY MALAYSIAN-KIANDEE, MALAYSIA NEW GAZETTE -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | MAFI BAKAL LAKUKAN PROSES PEMUTIHAN NELAYAN ZON A DI SELURUH NEGARA, BERNAMA -ONLINE<br>ESTET IKAN TAMBAH BEKALAN NEGARA, NASIONAL, SH -39<br>ESTET IKAN, PROJEK PERINTIS PASTIKAN KEMAMPANAN TABUNG MASJID, ASTRO AWANI -ONLINE<br>ESTET IKAN TAMBAH BEKALAN NEGARA, SH -ONLINE<br>TIGA BOT NELAYAN ASING DIJADIKAN TUKUN TIRUAN, KOSMO -ONLINE<br>TIGA BOT NELAYAN ASING LUCUTHAK DILUPUSKAN, BH -ONLINE<br>MAFI BAKAL LAKUKAN PROSES PEMUTIHAN NELAYAN ZON A SELURUH NEGARA, UTUSAN BORNEO -ONLINE | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 11.<br>12. | PROJEK BENTENG PEMECAH OMBAK DI KUALA DUNGUN AKAN DISEGERAKAN, SH -ONLINE<br>KERAJAAN AKAN BUKA SEMULA LESEN KELAS ZON A,BH -ONLINE | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18. | DOMESTIC AQUACULTURE COULD REACH RM710K AND 6000 TONNES THIS YEAR, NEWS, CHINA PRESS (EAST COAST) -C3<br>GO INTO COASTAL FISH FARMING, CM TELLS YOUTH, HOME, BORNEO POST (KK) -1<br>TANAM CENDAWAN SUSU HARIMAU, XPRESI, METRO AHAD -29<br>SHAFIE SARAN BELIA SABAH CEBURI PENTERNAKAN IKAN PERSISIRAN PANTAI, BORNEO TODAY -ONLINE<br>TOLS FOR CAGED FISH CULTURE ALONG THE COASTS, NATION, DAILY EKSPRESS -1,2<br>WHITE RICE AND BEEF SMOOTHLY IMPORTED, NEWS, CHINA PRESS (EAST COAST) -C2 | LAIN-LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/7/2020 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Urban farming programme well-received by Malaysians - Kiandee



Dr Ronald Kiandee said have received applications personally and some of them contacted my office asking how to participate. - Photo Bernama.

**KUANTAN**: The Urban Farming Programme (PPB) has received encouraging response from individuals and small groups who are interested to grow short-term crops, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the encouraging response in gardening would also help strengthen the bond among members of the urban community.

"I have received applications personally and some of them contacted my office asking how to participate. This shows that the programme is really close to the people's heart.

"I hope those who are interested will submit their application before July 31 because the ministry has to distribute the allocation for urban farming programme under the National Economic Recovery Plan (PENJANA) in two years period," he told reporters after visiting the Kampung Padang Jaya urban farm here yesterday.

At the event, Kiandee also announced a RM50,000 allocation for the village community to help them continue with the programme.

A total of RM10 million has been allocated under PENJANA for the implementation of the programme, which includes agriculture equipment assistance such as fertilisers and seeds, as well as farming consultations.

It is expected to benefit 800 communities and attract 12,000 new applicants.

To date, there are 124,988 urban farming participants in 5,065 locations nationwide.

The PBB aims to encourage individuals and communities to venture into farming and grow their own food to fulfill their daily needs besides generating extra income.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Program pertanian bandar dapat sambutan menggalakkan | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 26 Jul 2020 | Color | Black/white |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 2 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 107 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 227 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 682 |



# Program pertanian bandar dapat sambutan menggalakkan

KUANTAN: Program Pertanian Bandar (PPB) mendapat sambutan amat menggalakkan daripada individu dan juga kumpulan kecil yang berminat untuk mengusahakan tanaman jangka pendek.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata ia menunjukkan ramai kini semakin berminat untuk berkebun, dan ia secara tidak langsung membantu dalam mengeratkan hubungan dalam komuniti.

"Saya sendiri ada menerima permohonan selain ada yang menghubungi pejabat saya untuk bertanya bagaimana mereka boleh menyertainya, menunjukkan program ini benar-benar dekat dengan masyarakat, dan menarik perhatian ramai.

"Kita berharap mereka yang mahu melibatkan diri segera membuat permohonan sebelum 31 Julai ini kerana peruntukan bagi PBB di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diterima perlu diagihkan dalam masa dua tahun," katanya selepas meninjau pelaksanaan PBB di Kampung Padang Jaya di sini, Sabtu.

Pada program itu, Kiandee turut mengumumkan peruntukan RM50,000 kepada komuniti kampung berkenaan bagi mereka meneruskan program itu, selepas melihat kesungguhan dan kejayaan mereka melaksanakannya. - Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | MALAYSIA NEW GAZETTE | ONLINE | |

# Urban Farming Programme well-received by Malaysians – Kiandee

KUANTAN The Urban Farming Programme (PPB) has received encouraging response from individuals and small groups who are interested to grow short-term crops, said Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said the encouraging response in gardening would also help strengthen the bond among members of the urban community.

"I have received applications personally and some of them contacted my office asking how to participate. This shows that the programme is really close to the people's heart.

"I hope those who are interested will submit their application before July 31 because the ministry has to distribute the allocation for urban farming programme under the National Economic Recovery Plan (PENJANA) in two years period," he told reporters after visiting the Kampung Padang Jaya urban farm here today.

At the event, Kiandee also announced a RM50,000 allocation for the village community to help them continue with the programme.

A total of RM10 million has been allocated under PENJANA for the implementation of the programme, which includes agriculture equipment assistance such as fertilisers and seeds, as well as farming consultations.

It is expected to benefit 800 communities and attract 12,000 new applicants.

To date, there are 124,988 urban farming participants in 5,065 locations nationwide.

The PBB aims to encourage individuals and communities to venture into farming and grow their own food to fulfill their daily needs besides generating extra income.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | BERNAMA | ONLINE | |

# MAFI bakal lakukan proses pemutihan nelayan zon A di seluruh negara



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan

DUNGUN, 26 Julai -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan melakukan proses pemutihan nelayan zon A (kategori pesisir pantai), di seluruh negara untuk memastikan semua nelayan berdaftar dan mempunyai lesen yang sah.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, proses pemutihan itu juga bagi memudahkan golongan nelayan menerima bantuan dan kemudahan yang sewajarnya (seperti elaun sara hidup dan subsidi kerajaan yang lain).

"Proses pemutihan ini akan dilakukan dalam masa terdekat...bukan sahaja nelayan di Terengganu, malah masih ramai nelayan di negeri lain, juga tidak berdaftar.

"Ada juga nelayan yang mempunyai lesen ini namun sudah tidak aktif, di situ wujudnya keperluan untuk melakukan proses pemutihan tersebut, melaluinya juga kita akan dapatkan sistem pangkalan data yang lengkap, untuk semua nelayan zon A seluruh negara," katanya selepas lawatan ke Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun di sini hari ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu Dr Azman Ibrahim berkata, proses pemutihan itu akan memberi manfaat kepada hampir 800 nelayan pesisir pantai di Terengganu.

"Bagi pihak kerajaan negeri, pendaftaran lesen untuk nelayan pesisir pantai ini adalah isu lapuk yang perlu diselesaikan segera, jadi kita dah wujudkan satu jawatankuasa khas untuk mempercepatkan prosesnya.

"Kita dah angkat permohonan untuk mendaftarkan lesen 800 nelayan ini kepada kementerian dan berterima kasih atas keprihatinan dan kerjasama yang diberikan dalam mempermudahkan urusan ini, malah kita dimaklumkan Terengganu, adalah negeri pertama yang berjaya menyelesaikan pendaftaran ini," katanya.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi berkata, pendaftaran lesen nelayan itu juga secara tidak langsung akan meningkatkan rekod pendaratan ikan di jeti yang berdaftar di Terengganu.

"Sebelum ini, hasil tangkapan tidak direkodkan kerana ia didaratkan di jeti yang tidak berdaftar sedangkan hasil tangkapan sebenar jauh lebih tinggi berbanding jumlah data yang direkodkan," katanya.

-- BERNAMA

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Estet ikan tambah bekalan negara | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 26 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 140,000 |
| Page No | 39 | Readership | 420,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 459 cm² |
| Journalist | FATIHAH AWANG | AdValue | RM 9,731 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 29,192 |




# Estet ikan tambah bekalan negara

Tasik Masjid Al-Rahman dipilih jadi lokasi pertama bagi memulakan projek tersebut

Oleh SITI FATIHAH AWANG

KOTA BHARU



Che Abdullah (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Imam Masjid Al-Rahman, Hasan Mahmood (kanan) mengenai keluasan kawasan tasik tersebut.



Che Abdullah menarik palang bagi melepaskan ikan ke dalam Estet Ikan Masjid Al-Rahman semalam.

**KOTA BHARU -** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan Malaysia melaksanakan projek estet ikan bagi membantu meningkatkan pengeluaran ikan dalam negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sebagai perintis, Tasik Masjid Al-Rahman di Pulau Gajah dipilih lokasi pertama untuk memulakan projek tersebut.

Katanya, beliau yakin selepas ini banyak lagi kawasan lain bakal dilaksanakan projek yang sama mengikut kesesuaian lokasi.

"Tasik Pulau Gajah merupakan kawasan perairan air payau seluas 3.5 hektar dan mempunyai kualiti air yang sesuai untuk ternakan ikan.

"Komuniti dan 20 ahli jawatankuasa Masjid Al-Rahman akan mengurus projek tersebut dengan bimbingan syarikat yang menjalankan projek pembenihan, asuhan dan ternakan ikan air payau, AIN Aquaculture Sdn Bhd," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, Che Abdullah melancarkan Estet Ikan Negeri Kelantan di Tasik Masjid Al-Rahman, Pulau Gajah di sini.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, sebanyak 20,000 ekor benih ikan tilapia air payau dan 10,000 ekor benih ikan siakap bersaiz tiga inci dan ke atas dilepaskan semalam.

"Dalam tempoh ternakan selama lapan hingga 12 bulan, dijangka sebanyak 24 tan metrik ikan akan dihasilkan dengan nilai sebanyak RM336,000," ujarnya.

Selain itu, Che Abdullah berkata, projek Estet Ikan Masjid Al-Rahman akan dijadikan sebagai produk agropelancongan dan memberi sumber pendapatan secara langsung kepada tabung masjid berkenaan.

"Setiap jemaah Masjid Al-Rahman juga akan dibekalkan dengan makanan ikan rumusan pada harga RM2 sebungkus untuk memberi makan ikan.

"Insya-ALLAH, kejayaan pelaksanaan Estet Ikan Masjid Al-Rahman, Pulau Gajah, Kota Bharu, Kelantan ini akan jadi perintis penubuhan banyak lagi estet ikan di Kelantan khasnya dan Malaysia amnya," katanya.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Estet ikan, projek printis pastikan kemampanan tabung masjid

Play Video




Program estet ikan antara projek printis yang diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi menjamin kemampanan pendapatan tabung masjid. Ia diperkenalkan di Masjid Ar Rahman Pulau Gajah, Kota Bharu berikutan kedudukan masjid itu yang dikelilingi tasik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Estet ikan tambah bekalan negara



Che Abdullah menarik palang bagi melepaskan ikan ke dalam Estet Ikan Masjid Al-Rahman.

KOTA BHARU - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan Malaysia melaksanakan projek estet ikan bagi membantu meningkatkan pengeluaran ikan dalam negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, sebagai perintis, Tasik Masjid Al-Rahman di Pulau Gajah dipilih lokasi pertama untuk memulakan projek tersebut.

Katanya, beliau yakin selepas ini banyak lagi kawasan lain bakal dilaksanakan projek yang sama mengikut kesesuaian lokasi.

"Tasik Pulau Gajah merupakan kawasan perairan air payau seluas 3.5 hektar dan mempunyai kualiti air yang sesuai untuk ternakan ikan.

"Komuniti dan 20 ahli jawatankuasa Masjid Al-Rahman akan mengurus projek tersebut dengan bimbingan syarikat yang menjalankan projek pembenihan, asuhan dan ternakan ikan air payau, AIN Aquaculture Sdn Bhd," katanya kepada pemberita di sini hari ini.




Che Abdullah (dua dari kiri) mendengar penerangan daripada Hasan (kanan) mengenai keluasan kawasan tasik tersebut.

Terdahulu, Che Abdullah melancarkan Estet Ikan Negeri Kelantan di Tasik Masjid Al-Rahman, Pulau Gajah di sini. Yang turut hadir, Imam Masjid Al-Rahman, Hasan Mahmood.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, sebanyak 20,000 ekor benih ikan tilapia air payau dan 10,000 ekor benih ikan siakap bersaiz tiga inci dan ke atas dilepaskan.

"Dalam tempoh ternakan selama lapan hingga 12 bulan, dijangka sebanyak 24 tan metrik ikan akan dihasilkan dengan nilai sebanyak RM336,000," ujarnya.

Selain itu, Che Abdullah berkata, projek Estet Ikan Masjid Al-Rahman akan dijadikan sebagai produk agropelancongan dan memberi sumber pendapatan secara langsung kepada tabung masjid berkenaan.

"Setiap jemaah Masjid Al-Rahman juga akan dibekalkan dengan makanan ikan rumusan pada harga RM2 sebungkus untuk memberi makan ikan.

"Insya-ALLAH, kejayaan pelaksanaan Estet Ikan Masjid Al-Rahman, Pulau Gajah, Kota Bharu, Kelantan ini akan jadi perintis penubuhan banyak lagi estet ikan di Kelantan khasnya dan Malaysia amnya," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | KOSMO | ONLINE | |

# Tiga bot nelayan asing dijadikan tukun tiruan



KOTA BHARU – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menerusi Jabatan Perikanan Kelantan menenggelamkan tiga bot haram milik nelayan asing yang dirampas untuk dijadikan tukun tiruan sebagai pemuliharaan sumber ikan di perairan negara ini.

Tiga bot termasuk jenis pukat tunda dan jerut ditenggelamkan sejauh kira-kira lima batu nautika dari persisir perairan Kuala Besar di sini dengan mengambil masa selama 45 minit.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, kaedah itu mampu memberi manfaat kepada para nelayan di negara ini.

" Langkah itu yang diambil oleh pihak kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia bertujuan mengelakkan berlakunya pencerobohan pukat tunda.

"Selain itu, sebagai amaran dan memberi pengajaran kepada bot asing yang cuba menceroboh perairan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena majlis Pelupusan Vesel Penangkapan Ikan Asing Yang Dilucutkan Hak Sebagai Tukun Tiruan Di Perairan Kota Bharu di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Nazri Ishak.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, mengikut Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan 2019), kerajaan telah mendapat kelulusan Parlimen bagi meningkatkan kadar denda dan mengekang pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan negara.

Katanya, jika sabit kesalahan denda maksimum bagi nakhoda bot asing yang menceroboh perairan Malaysia dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta, selain penalti bagi tiap-tiap anggota kru juga dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000.

Menurutnya, kerajaan komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan melibatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Marin bagi membanteras pencerobohan bot asing terutamanya di perairan Pantai Timur negara.

"Sehingga kini sebanyak 13 bot nelayan asing yang dilucutkan hak di bawah Akta Perikanan 1985 dijadikan tukun tiruan membabitkan perairan Kelantan, Terengganu dan Pahang,"ujarnya.

Beliau berkata, pihak kementerian prihatin berkaitan isu pencerobohan bot nelayan asing ke perairan negara yang mengakibatkan ketirisan hasil laut dianggarkan bernilai RM6 billion setahun dan memberi kesan kepada ekonomi rakyat negara ini.-K! ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

## Tiga bot nelayan asing lucuthak dilupuskan




KOTA BHARU: Tiga bot nelayan asing yang dirampas dan dilucuthak di bawah Akta Perikanan 1985 dilupuskan di perairan Kuala Besar, di sini, hari ini.

Dua bot jenis pukat jerut dan sebuah pukat tunda ditenggelamkan sebagai tukun tiruan kira-kira lima batu nautika di perairan Kuala Besar, di sini dan proses pelupusan berlangsung lebih setengah jam.

Timbalan Menteri Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata kaedah penenggelaman sebagai tukun tiruan itu adalah bagi tujuan pemuliharaan sumber stok ikan.

"Dalam masa yang sama, Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dapat menjalankan kajian terhadap bot rampasan asing yang dijadikan tukun tiruan dan impak kepada sumber perikanan.

"Di samping itu, ia juga memberi manfaat kepada nelayan kerana kerana akan menjadi habitat perikanan yang baharu sekaligus dapat menjana ekonomi nelayan," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Che Abdullah berkata, sepanjang tahun ini sebanyak 13 bot nelayan asing yang dirampas dan dilucuthak sudah ditenggelamkan di seluruh negara

Menurutnya lagi, kerajaan prihatin berkaitan isu pencerobohan bot nelayan asing ke perairan negara yang mengakibatkan ketirisan hasil laut dianggarkan berjumlah RM6 bilion setahun yang memberi kesan kepada ekonomi rakyat Malaysia.

"Sehubungan itu, MAFI melalui DOF komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan membabitkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi membanteras pencerobohan bot asing terutamanya di perairan Pantai Timur Malaysia," katanya.

Che Abdullah berkata, pelupusan bot rampasan sebegitu diharapkan akan memberi amaran dan pengajaran kepada mana-mana bot asing yang cuba menceroboh perairan Malaysia.

Katanya lagi, Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan 2019) sudah mendapat kelulusanm Parlimen bagi meningkatkan kadar denda dan mengekang pencerobohan nelayan asing ke dalam perairan negara.

"Ia membabitkan denda maksimum bagi nakhoda bot asing yang menceroboh perairan Malaysia dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta selain penalti bagi setiap anggota kru juga dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | UTUSAN BORNEO | ONLINE | |

# MAFI bakal lakukan proses pemutihan nelayan zon A di seluruh negara



DUNGUN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan melakukan proses pemutihan nelayan zon A (kategori pesisir pantai), di seluruh negara untuk memastikan semua nelayan berdaftar dan mempunyai lesen yang sah.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (*gambar*) berkata, proses pemutihan itu juga bagi memudahkan golongan nelayan menerima bantuan dan kemudahan yang sewajarnya (seperti elaun sara hidup dan subsidi kerajaan yang lain).

"Proses pemutihan ini akan dilakukan dalam masa terdekat...bukan sahaja nelayan di Terengganu, malah masih ramai nelayan di negeri lain, juga tidak berdaftar.

"Ada juga nelayan yang mempunyai lesen ini namun sudah tidak aktif, di situ wujudnya keperluan untuk melakukan proses pemutihan tersebut, melaluinya juga kita akan dapatkan sistem pangkalan data yang lengkap, untuk semua nelayan zon A seluruh negara," katanya selepas lawatan ke Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun di sini hari ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu Dr Azman Ibrahim berkata, proses pemutihan itu akan memberi manfaat kepada hampir 800 nelayan pesisir pantai di Terengganu.

"Bagi pihak kerajaan negeri, pendaftaran lesen untuk nelayan pesisir pantai ini adalah isu lapuk yang perlu diselesaikan segera, jadi kita dah wujudkan satu jawatankuasa khas untuk mempercepatkan prosesnya.

"Kita dah angkat permohonan untuk mendaftarkan lesen 800 nelayan ini kepada kementerian dan berterima kasih atas keprihatinan dan kerjasama yang diberikan dalam mempermudahkan urusan ini, malah kita dimaklumkan Terengganu, adalah negeri pertama yang berjaya menyelesaikan pendaftaran ini," katanya.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi berkata, pendaftaran lesen nelayan itu juga secara tidak langsung akan meningkatkan rekod pendaratan ikan di jeti yang berdaftar di Terengganu.

"Sebelum ini, hasil tangkapan tidak direkodkan kerana ia didaratkan di jeti yang tidak berdaftar sedangkan hasil tangkapan sebenar jauh lebih tinggi berbanding jumlah data yang direkodkan," katanya. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Projek benteng pemecah ombak di Kuala Dungun akan disegerakan



Ronald (dua dari kanan) melihat kemudahan yang ada di Kompleks LKIM Dungun.

DUNGUN - Projek pembinaan benteng pemecah ombak bagi mengatasi masalah muara cetek di Kuala Dungun akan segera dilaksanakan sebaik sahaja kajian reka bentuk selesai.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, buat masa ini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang dalam proses menyiapkan reka bentuk sebelum tender pembinaan projek dikeluarkan.

"Kita berterima kasih kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM250 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK 11) bagi menyelesaikan masalah ini.

"Kita sedia maklum muara Kuala Dungun ini cetek dan bahaya buat nelayan, jadi kita harap projek ini dapat disegerakan. Apabila siap nanti, ia akan memberi kelegaan kepada hampir 600 nelayan di sini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan Walkabout Bersama Nelayan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun hari ini.

Turut hadir, Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim dan Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latiff.

Sementara itu, Dr Ronald berkata, kerja-kerja membaik pulih kemudahan di Kompleks LKIM Dungun diharap akan dapat dimanfaatkan hampir 1,000 nelayan dan pihak berkaitan di Dungun.

Katanya, antara kemudahan yang akan dibina ialah kilang air batu, dewan lelong dan jeti tambahan bot nelayan yang dianggarkan bernilai RM1.6 juta.

"Kita akan mendapatkan peruntukan untuk tujuan itu dengan segera dan pembinaannya akan dilaksanakan secara berperingkat," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | BERITA HARIAN | ONLINE | |

# Kerajaan akan buka semula lesen kelas Zon A



DUNGUN: Jabatan Perikanan akan membuka semula permohonan lesen kelas zon A yang dikhususkan kepada nelayan pantai dalam masa terdekat.

Menteri Pertanian Dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata lesen terbabit akan diberikan kepada nelayan yang benar-benar aktif dan Jabatan Perikanan diminta segera melaksanakan proses pemutihan.

Kiandee berkata, mendapati isu lesen berkenaan yang ditangguhkan sejak sekian lama perlu disegerakan kerana perkara itu boleh menyumbang risiko kepada nelayan apabila berlaku kemalangan.

"Kalau berlaku bencana atau kemalangan, nelayan yang tidak berlesen ini tidak akan mendapat sebarang faedah termasuk elaun sara hidup, minyak bersubsidi dan sebagainya.

"Dalam usaha itu, kita minta Jabatan Perikanan mengenal pasti nelayan yang berlesen sebelum ini sama ada mereka masih aktif atau sebaliknya," katanya ketika mengadakan lawatan Walkabout Bersama Nelayan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Dungun, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim; Ketua Pengarah LKIM, Othman Abdul Latif dan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Zawawi Ali.

Kiandee berkata, kerajaan sebelum ini membekukan pengeluaran lesen itu termasuk Zon B dan C kecuali Zon C-2 iaitu laut dalam, bertujuan bagi memastikan setiap permohonan lesen baharu diberikan kepada mereka yang benar-benar layak.

"Kita akan mewujudkan satu pangkalan data nelayan zon A, termasuk pemutihan nelayan dan memberikan lesen baharu kepada nelayan aktif," katanya

Menyentuh mengenai projek pembinaan benteng pemecah ombak di muara Kuala Dungun, akan segera dilaksanakan sebaik kajian reka bentuk selesai dilakukan.

"Kajian reka bentuk sedang dilakukan Jabatan Pengairan Dan Saliran JPS sebelum tender pembinaan projek itu dikeluarkan.

"Kita berterima kasih kepada Kementerian Alam Sekitar Dan Air yang meluluskan peruntukan sebanyak RM250 juta untuk tujuan pembinaan projek terbabit dalam Rancangan Malaysia ke-11 dan berharap ia segera dilaksanakan," katanya

"Kita sedia maklum Muara Kuala Dungun ini cetek dan bahaya buat nelayan dan apabila siap nanti ia akan memberi kelegaan kepada hampir 600 nelayan di sini.

"Selain itu kemudahan di Kompleks LKIM Dungun juga akan diperbaiki bagi kemudahan nelayan dengan anggaran kos RM1.6juta," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Domestic aquaculture could reach RM710k and 6000 tonnes this year | | |
| MediaTitle | China Press (East Coast) | | |
| Date | 26 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 10,592 |
| Page No | C3 | Readership | 31,776 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 268 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,671 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,012 |



# 仄阿都拉：國內水產養殖
# 今年可達71萬6000噸

（哥打峇鲁25日讯）农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉透露，国内水产养殖的产量，今年有望达到71万6000吨的目标。

他说，政府会通过维持养殖场的面积，同时增加具有发展潜发的地点，此外，良好管理、养殖场企业合作、集群计划和鱼苗场等等，都是水产养殖的成功因素。

他说，农业部通过大马渔业局规划和推动增加国家鱼产量，渔业局为达到国家目标制定了3大方向，一是保证食物供应充足、推进渔业产业，以及增加参与渔民的收入。

## 增加渔民收入

"增加水产养殖的产量，近年不断的获得渔业局关注，该局会协助国家维持现有的贸易差额（BOT）。"

他今日在浮罗加查（Pulau Gajah）推动一项水产养殖计划后，如此指出。

在活动上，仄阿都拉在浮罗加查的河放2万只罗非鱼的鱼苗，以及1万只石甲鱼的鱼苗。浮罗加查的阿拉曼清真寺管理层参与水产养殖计划，目标是在8个月至12个月，取得24吨鱼产，以取得33万6000令吉的收入。



■仄阿都拉（右）赠送纪念品给赞助单位的代表。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Go into coastal fish farming, CM tells youths | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 26 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 251 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,400 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,199 |






**Shafie (front, centre) and Wong (third left) visiting a fish farming centre after launching the Ko-Nelayan Mini Aquaculture Park in Kampung Laya-Laya, Tuaran yesterday.**

# Go into coastal fish farming, CM tells youths

**TUARAN:** Fish farming community, especially the youths should endeavour to develop suitable abandoned coastlines in Sabah, said Chief Minister Datuk Seri Shafie Apdal

Shafie said areas such as Kuala Penyu have potential for fish farming along with Semporna, Kunak, Kudat and Sandakan.

"These are districts that have already been identified, instead of leaving these coasts deserted," he said.

"For example in the East Coast area that is often faced with security issues, if we put and involve youths to farm fish at sea coasts, then it is easy for us to ensure their safety," he added when visiting the Sabah Rubber Industry Board (LIGS) Tuaran with Deputy Chief Minister-cum-Trade and Industry Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, and Agriculture and Food Industry minister Datuk Junz Wong here yesterday.

At the event, Shafie said Tuaran has major potential in the fishery and farming sector.

"Therefore, the government through the Agriculture and Food Industry Ministry has allocated 40 lots in the coastal areas of this district as fish farming centres.

"These lots will be given to youths in this area and we will also help prepare fish seeds to ensure it can be developed," he added.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/7/2020 | BORNEO TODAY | ONLINE | |

## SHAFIE SARAN BELIA SABAH CEBURI PENTERNAKAN IKAN PERSISIRAN PANTAI



TUARAN: Kerajaan Sabah komited menggalakkan belia untuk menceburi industri perikanan melalui penyediaan pelbagai inisiatif di bawah program-program kerajaan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, kerajaan Sabah akan menyediakan pelbagai inisiatif bagi menarik golongan belia melibatkan diri dalam penternakan ikan persisiran pantai.

Atas sebab itu, kerajaan akan membuka permohonan tanah melalui lesen pendudukan sementara (TOL) kepada belia bagi memulakan penternakan ikan persisiran pantai.

"Kita sudah mengenal pasti beberapa daerah persisiran pantai yang terbiar di seluruh Sabah, kawasan berkenaan sesuai dibangunkan untuk sektor ini.



"Selain kita memberikan TOL, kita juga akan menyediakan benih ikan bermutu tinggi, ikan ini mempunyai daya persaingan tinggi di pasaran tempatan serta antarabangsa.

"Kita juga sediakan sangkar ikan kepada belia yang tidak berkemampuan.

"Misalnya, di Sungai Laya-Laya ini, terdapat 40 lot kawasan dan saya mahu pastikan nelayan Tuaran terlibat dalam penternakan ikan di sini," katanya semasa sidang media sempena Program ramah mesra bersama pekebun kecil getah Tuaran, di sini, semalam.

Beliau berkata, langkah seumpamanya turut dilaksanakan dalam industri pertanian.



Menurutnya, petani khususnya golongan belia digalakkan melibatkan diri dalam penanaman sayur-sayuran atau buah-buahan berkualiti tinggi untuk pasaran tempatan dan luar negara.

Katanya, usaha ini akan menjamin keselamatan makanan bagi keperluan masyarakat tempatan dan untuk dieksport ke luar negara.

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Menteri merangkap Ahli Parlimen Tuaran Datuk Seri Wilfred Madius Tangau serta Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Junz Wong.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | TOLs for caged fish culture along the coasts | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 26 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 1,2 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 278 cm² |
| Journalist | Sherell Jeffrey | AdValue | RM 1,477 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,431 |



# TOLs for caged fish culture along the coasts

Sherell Jeffrey

TUARAN: Temporary Occupation Licence (TOL) will be issued to coastal areas across Sabah identified with the potential to be developed for caged fish breeding.

Among areas identified with the potential are Kuala Penyu, Kudat, Kunak and Semporna.

The latest is the coastal area in Sungai Laya-Laya where 40 lots have been identified for fishermen, especially young fishermen, to be mobilised into getting involved in caged fish breeding.

"The response has been encouraging. Not only we will provide TOL but also quality fish for breeding as well as fish cages for youths who might not be financially capable of developing their fish breeding business," said Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

"Rather than leaving the area just like that ... for example areas in the east coast which is often faced with security issues, if we get our youths involved in fish breading at the coastal areas, it would be easy for us to take care of their security," he said.

He said this during a meet-and-greet ceremony with small rubber farmers at the Sabah Rubber Industry Board (LIGS), here, Saturday.

He said last week, he was in Kundasang where they got more than 30 youths involved in the fertigation programme to produce high quality fruits not only for the local market but also for export.

He said this was to ensure Sabah has food security and can guarantee sufficient food supply for local consumption and also for export if there is a need.

On another note, he said Sabah will soon have its third local cooking oil factory, this time in Keningau.

The others are in Tawau, managed by, Benta Wawasan, and in Sandakan, managed by Sawit Kinabalu.

"The one in Keningau is managed by Sabah Land Development Board (SLDB) and they have informed me that they are ready. Hopefully, we are able to launch this factory in Keningau by next month," he said.

He said the factory will be a source of not only job opportunities for youths in the area but can also be a source of income to farmers and existing small traders.

"The spill-over is there, multiplier effect is there, not only in terms of its seller, factory and job opportunities but also retailers who can supply the product," he said.

On the rubber commodity, he said, there are downstream rubber industry which can be explored to ensure it can allow the product to be sustainable due to the demand.

See Page 2, Col. 3

| Headline | TOLs for caged fish culture along the coasts | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 26 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 1,2 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 278 cm² |
| Journalist | Sherell Jeffrey | AdValue | RM 1,477 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 4,431 |

# Rubber price in Sabah the highest

**From Page One**

"Rubber is a commodity which doesn't have much difficulty. It does not need that much fertiliser, it doesn't need urgent treatment. I am confident it is one product commodity that can be sustainable but we need to produce downstream," he said.

Also present was State Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong who said there are 83,179 small farmers and rubber tappers registered with the LIGS.

Wong said the State Government is always concerned about their welfare, citing efforts such as providing subsidy or additional rubber price by 25 sen per kilogramme for Cuplump Grade 2, while LIGS also provides a subsidy of 5 sen per kilogramme for cuplump Grade 2.

He said this makes rubber price in Sabah the highest in Malaysia by more than 30 sen per kg compared to floor rice of RM2.50 per kg (after added Rubber Production Incentive ) for grade 2 nationwide.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | White rice and beef smoothly imported | | |
| MediaTitle | China Press (East Coast) | | |
| Date | 26 Jul 2020 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 10,592 |
| Page No | C2 | Readership | 31,776 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 320 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,383 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,149 |





■罗南建迪展示在甘榜巴当再也城市农业社区计划中，成功种植的蕃茄。

# 農長：疫情期間 入口白米牛肉順利

（关丹25日讯）农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，在新冠肺炎疫情期间，我国在入口白米及牛肉方面，皆没有面对任何问题。

他说，我国市场上30%的白米需求量，及67%的牛肉需求量都是进口的，并且没有面对任何问题。

他今日在关丹通往林明路的甘榜巴当再也，出席甘榜巴当再也城市农业社区计划后，在记者会上说，在疫情期间，金马仑高原一些菜农及果农面对农场品，因销售管道减少而滞销情况，但该部属下数个机构已协助解决。

"如今我们已进行复苏期行动管制令，很多销售场所都已开放，因此，没有再出现滞销问题。"

另一方面，他也说，政府为协助国民，尤其是住在城市的居民减轻生活负担，并让社区居民更加团结，在疫情期间，通过国家经济重建计划（PENJANA），拨出1000万令吉，让新参与城市农业计划的社区及个人申请。

他说，政府分别提供最高5万令吉及500令吉的种子、肥料、设施、器具等，给每个社区及每名参与者。

"申请截止日期是本月31日。"

他也宣布拨款5万令吉给甘榜巴当再也城市农业社区计划。

Powered by: isentia